

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## **BANK ISLAM SERAH BANTUAN PERNIAGAAN KEPADA 50 USAHANITA ASNAF SAHABAT AIM PERAK DAN PAHANG**

**IPOH, PERAK, Ahad [14 Ogos 2022]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) dan rakan strategiknya, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), semalam menganjurkan Program AMAL Musa'adah bagi menyediakan bantuan perniagaan kepada 50 usahawan kecil dan mikro yang bernaung di bawah AIM atau lebih dikenali sebagai Sahabat AIM. Daripada jumlah berkenaan, 26 terdiri daripada usahanita asnaf dari Perak dan 24 dari Pahang. Bantuan perniagaan ini melibatkan peruntukan dana zakat dan tanggungjawab korporat, AMAL Bank Islam berjumlah lebih RM170,000.

Antara jenis perniagaan yang diusahakan oleh usahanita terlibat adalah gerai makanan; pengusahaan makanan tempatan seperti kerepek dan kuih-muih; kedai jahit, kedai runcit, perniagaan di pasar malam dan jualan pakaian terpakai. Bertujuan untuk menyokong kelangsungan perniagaan yang dimiliki Sahabat AIM terlibat, Program AMAL Musa'adah menyampaikan bantuan mengikut keperluan perniagaan masing-masing termasuk rak keluli, kotak penyejuk beku, mesin kuih-muih, kanopi, rak barangan, mesin jahit dan dapur.

Penyerahan bantuan perniagaan tersebut disempurnakan oleh Mohamed Iran Moriff Mohd Shariff, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Bank Islam bersama Norsharizal Mashahrin, Ketua Pegawai Kewangan, Amanah Ikhtiar Malaysia.

Mohamed Iran Moriff Mohd Shariff menjelaskan, "Bank Islam sentiasa memberi tumpuan kepada usahawan yang menyumbang kepada ekonomi, di samping memberikan sokongan yang diperlukan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat. Usaha seperti AMAL Musa'adah ini merupakan satu usaha penting ke arah tujuan itu, malah program hari ini menzahirkan komitmen Bank Islam sebagai Pengantara Berasaskan Nilai (VBI) dalam melindungi dan memastikan kesejahteraan masyarakat secara lebih meluas."

Inisiatif Bank Islam untuk memperkasakan golongan usahanita asnaf ini juga adalah sejajar dengan objektif global Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), merujuk khusus kepada Matlamat 1 iaitu Membasmi kemiskinan, Matlamat 5 - Kesamaan jantina dan Matlamat 8 - Menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta pekerjaan memuaskan untuk semua.

Program AMAL Musa'adah mula diperkenalkan pada tahun 2017 dengan kerjasama AIM iaitu sebuah badan amanah diperbadankan yang berperanan mengurangkan kemiskinan di Malaysia dengan memupuk semangat keusahawanan melalui penyediaan kemudahan pembiayaan, bimbingan dan latihan untuk masyarakat miskin dan berpendapatan rendah..

Bank Islam, menerusi penganjuran Program AMAL Musa'adah, telah memperuntukkan lebih RM92,000 untuk manfaat 36 usahanita terpilih dari Terengganu pada tahun 2017 dan hampir RM70,000 kepada 56 Sahabat AIM dari Kedah pada tahun 2019. Manakala seramai 49 Sahabat AIM dari Johor menerima manfaat daripada hampir RM100,000 yang disediakan pada tahun 2020.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)**

BIMB adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, BIMB mempunyai 141 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, BIMB menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan BIMB adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sendirian Berhad. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan BIMB, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

**Untuk maklumat lanjut, sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan BIMB di:**  
[MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my](mailto:MediaRelationsEditorial@bankislam.com.my)